

UM. 1/2/2016  
M8. 22

# Perlu ada instrumen urus harta pusaka

**KUALA LUMPUR 31 Jan.** - Pihak berkuasa agama disaran mengkunkan secara terperinci instrumen-instrumen perancangan harta bagi membolehkan umat Islam memanfaatkannya.

Peguam bela dan peguam cara, Ikbal Salam berkata, orang Melayu memerlukan pemindahan minda bagi menukar amalan berkaitan pembahagian harta dengan menggunakan instrumen-instrumen yang diharuskan syarak sebelum angka-angka petunjuk nilaiann harta beku menjadi bertambah.

"Sebelum ini, harta melebihi bidang kuasa Pejabat Pusaka Kecil perlu melalui proses mahkamah yang panjang iaitu di Mahkamah Syariah dan kemudiannya ke Mahkamah Sivil untuk menyelesaikan pusaka sedangkan orang bukan Islam hanya perlu melalui proses di Mahkamah Sivil.

"Melalui kesedaran ibu bapa zaman ini dan penyusunan semula peruntukan perundangan bagi pemberian harta, harta pusaka beku orang Melayu akan dapat dikurangkan kepada jumlah yang lebih munasabah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai harta tidak dituntut oleh waris si mati yang berjumlah kira-kira RM60 bilion sejak Malaysia mencapai kemerdekaan hingga hari ini ekoran kurangnya kesedaran dan sikap ambil mudah menangguh permohonan pembahagian harta pusaka.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, angka tersebut diperoleh menerusi rekod Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) di bawah kerementeriannya.

Dalam pada itu, Ikbal turut berpendapat persepsi dan amalan bertangguh untuk membahagikan harta pusaka hendaklah diubah dalam masyarakat Melayu yang perlu dilakukan ibu bapa dan ahli-ahli warisnya.

"Ibu bapa masa kini perlulah menyedari bahawa terdapatnya pelbagai mekanisme dalam hukum syarak yang membolehkan harta-harta mereka dirancang dan dilaksanakan pembahagiannya sejak hayat mereka lagi.

"Antara mekanisme yang boleh diaplikasikan adalah kaedah pemberian melalui kaedah hibah, amanah, waqaf, nazar dan wasiat. Banyak kaedah yang disediakan syarak tetapi jarang sangat digunakan oleh orang Melayu hingga terkadang umat Islam kelihatannya lebih kerap pula menyalahkan hukum faraid setelah pembahagian dibuat," katanya.